

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bukan Lisan**

**DARIPADA : Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari**  
**[Setiawangsa]**

**SOALAN : Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari**  
**[Setiawangsa] minta MENTERI**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**  
**TANI menyatakan langkah diambil**  
**Kerajaan dalam mengurangkan bilangan**  
**import makanan berjumlah RM45.4**  
**bilion pada 2015 dapat dikurangkan**  
**pada masa akan datang serta nyatakan**  
**program yang dilaksanakan kerajaan**  
**terutamanya dalam menghasilkan**  
**produk makanan tersendiri di tanah-**  
**tanah terbiar dalam negara.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, import bahan makanan negara pada tahun 2015 sebanyak RM45.4 billion telah meningkat kepada RM46.8 billion dalam tahun 2016. Walau bagaimanapun, **defisit imbalan dagangan** telah berjaya dikurangkan daripada RM18.1 billion pada tahun 2015 kepada RM16.6 billion pada tahun 2016. Perkara ini telah dapat dicapai melalui pelaksanaan langkah-langkah meningkatkan pengeluaran dalam negara seperti berikut:

- (i) Membangunkan 4 kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru. Pembangunan projek di 4 kawasan IADA baru ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 2015 dan akan siap secara berperingkat sehingga tahun 2020 melibatkan keluasan lebih 25 ribu hektar;
- (ii) Melaksanakan Projek Berimpak Tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani;
- (iii) Melaksanakan pelbagai projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti akuakultur,

rumpai laut, sarang burung walit, produk herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan proses premium melalui program Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA);

- (iv) Menggalakkan penggunaan varieti padi sah baharu seperti Siraj 297 dan MR269 yang berhasil tinggi dan rintang penyakit, terutamanya di kawasan yang mudah terdedah kepada penyakit. MR269 misalnya mempunyai ketahanan yang lebih baik terhadap penyakit karah dan perosak serta memberikan hasil tinggi untuk pilihan para petani dalam meningkatkan hasil tanaman berbanding MR 219;
- (v) Mempergiatkan Program Agropreneur Muda bagi menggalakkan penyertaan usahawan muda dalam bidang pertanian; dan
- (vi) Melaksanakan pembangunan Industri Jagung Bijirin di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import jagung bijirin bagi tujuan makanan ternakan.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian telah mula melaksanakan Projek Pembangunan Tanah Terbiar sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) lagi. Projek ini telah dirangka untuk membangunkan tanah terbiar supaya menjadi tanah yang produktif dan memberi pulangan kepada

pengusaha selain dapat meningkatkan pengeluaran tanaman makanan.

Sehingga 31 Januari 2017, seluas 9,698.14 hektar tanah terbiar telah dibangunkan dengan jumlah pengeluaran sebanyak 410,964.38 tan bernilai RM 159.2 juta dengan melibatkan 7,496 orang peserta. Antara tanaman yang ditanam adalah kelapa matag/pandan dan roselle selain pelbagai jenis tanaman lain seperti pisang, durian, nanas, tebu, dan rambutan.

**NO. SOALAN: 109**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN  
ZAHARI [SETIAWANGSA]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10096**

**SOALAN:**

**Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah filem yang telah gagal melepasi syarat Lembaga Penapisan Filem Negara sepanjang tahun 2016 dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengetatkan lagi syarat penapisan filem ini.

**JAWAPAN:**

Sepanjang tahun 2016, Lembaga Penapis Filem (LPF) telah menerima sebanyak 1,874 filem-filem tempatan dan luar negara untuk ditapis bagi tayangan di pawagam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 filem tidak diluluskan oleh LPF kerana bertentangan dengan Garis Panduan Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri.

Senarai lengkap filem yang tidak diluluskan pada 2016 adalah seperti berikut:

| BIL. | TAJUK FILEM                                | PENGEDAR                       | NEGARA ASAL | SEBAB-SEBAB TIDAK DILULUSKAN  |
|------|--|--------------------------------|-------------|---|
| 1.   | Tharai Thappattai                          | Lotus Five Star AV (M) Sdn.Bhd | India       | Filem ini mengandungi elemen menyindir agama, hal-hal keagamaan yang boleh menimbulkan kontroversi dalam masyarakat di negara ini. Ia juga memaparkan penganyaan serta keganasan terhadap wanita seperti mendera secara kejam dan pelacuran paksaan. Juga mengandungi dialog berunsur lucah dan dwi maksud. Adegan-adegan ini tidak dapat dipotong kerana ia akan menjejaskan kesinambungan jalan cerita. |
| 2.   | Duck King 2 (Preview) 2016 aka Yang Wang 2 | Yusari Filem Sdn. Bhd.         | Hong Kong   | Filem ini mengandungi elemen seksual dengan paparan adegan-adegan seks yang keterlaluan.  |

| BIL. | TAJUK FILEM                    | PENGEDAR                                 | NEGARA ASAL | SEBAB-SEBAB TIDAK DILULUSKAN   |
|------|--------------------------------|--|-------------|--|
| 3.   | Tere Bin Laden - Dead Or Alive | Shivantika Productions & Walkwater Media | India       | Filem ini mengandungi elemen-elemen mengeksploitasi peristiwa pembunuhan Osama Bin Laden, pemimpin Al-Qaeda oleh tentera Amerika sebagai bahan jenaka. Ianya memaparkan adegan-adegan yang mempersendakan keperibadian (personaliti) Osama Bin Laden dan juga turut mempersenda dan memperlekeh personaliti Barrack Obama, Presiden Amerika Syarikat sebagai seorang pemimpin sebuah negara. Fakta-fakta mengenai peristiwa ini adalah berdasarkan rekaan untuk tujuan komedi dan boleh menimbulkan kekeliruan dan salah tanggapan penonton terhadap penganut agama Islam. |
| 4.   | Timbuktu                       | Institut Francaise                       | Perancis    | Mengandungi adegan yang tidak bersesuaian dengan agama Islam serta menyentuh sensitiviti politik, adat dan budaya Islam.   |
| 5.   | Syndicate                      | Embassy of The Fed Rep of Germany        | Malaysia    | Mengandungi elemen-elemen yang memburuk-burukkan Kerajaan dengan mempertikaikan penemuan dan keputusan Suruhanjaya Penyiasatan DiRaja yang telah ditubuhkan Kerajaan berhubung isu pemberian kad pengenalan kepada pendatang asing di Sabah.   |
| 6.   | Bite                           | Embassy of The Fed Rep of Germany        | Malaysia    | Menggambarkan penjawat awam di Malaysia sangat tidak bertanggungjawab serta melakukan pencabulan seks terhadap kanak-kanak sehingga membunuh mereka. Memberi imej yang buruk serta menunjukkan tahap tidak profesionalisme dan   |

| BIL | TAJUK FILEM         | PENGEDAR   | NEGARA ASAL | SEBAB-SEBAB TIDAK DILULUSKAN   |
|-----|---------------------|--|-------------|--|
|     |                     |  |             | mengaibkan penjawat awam. Ia turut menghina Malaysia seolah-olah tiada pembelaan terhadap kanak-kanak dan membiarkan penganiayaan tersebut.  |
| 7.  | Raman Raghav        | Antenna Entertainment s Sdn. Bhd.                    | India       | Filem ini tidak diluluskan untuk tayangan oleh sebab bertentangan dengan Garis Panduan LPPF, KDN, 2010 Keselamatan dan Ketenteraman Awam perenggan 2.1.1(vii) iaitu "kemenangan kejahatan terhadap keadilan dan kebenaran" terutama sekali apabila ia melibatkan pihak penguatkuasa yang bertindak sebagai Pegawai Penyiasat utama dan menggunakan modus operandi seorang penjenayah bersiri untuk selindungi jenayahnya. Filem ini turut mengandungi adegan ganas, seksual, ngeri dan dialog lucu yang keterlaluan. |
| 8.  | Sausage Party- 2D   | Buena Vista Columbia Tristar Film Malaysia Sdn. Bhd. | USA         | Filem ini mengandungi adegan-adegan ganas, seksual, ngeri dan dialog lucu yang keterlaluan.  |
| 9.  | Hardcore Henry      | GSC Movie Sdn. Bhd.                                  | USA         | Mengandungi adegan-adegan ganas, ngeri dan dialog lucu yang keterlaluan.   |
| 10. | Fundamentally Happy | GSC Movie Sdn. Bhd.                                  | Singapura   | Filem ini mengandungi elemen-elemen yang bertentangan dengan agama Islam, adat, budaya dan menyentuh sensitiviti masyarakat Melayu Malaysia dari aspek-aspek keagamaan dan ketatasusilaan / ketertiban. Jalan cerita filem ini akan ditafsir oleh orang-orang  |



| BIL | TAJUK FILEM | PENGEDAR | NEGARA ASAL | SEBAB SEBAB TIDAK DILULUSKAN   |
|-----|-------------|----------|-------------|--|
|     |             |          |             | <p>Melayu di Malaysia sebagai suatu usaha untuk mencerminkan sikap masyarakat Melayu yang beragama Islam yang mengambil kesempatan untuk memenuhi tutututan nafsu mereka ke atas golongan yang lemah. Ianya membawa maksud bahawa orang-orang Melayu tidak boleh dipercayai sebagai rakan atau jiran tetangga. Jika filem ini ditayangkan di Malaysia, dikhuatiri ada pihak yang akan mengeksploitasi elemen-elemen dalam filem ini menjadikan ianya sebagai suatu isu yang akan membangkitkan kemarahan orang-orang Melayu di Malaysia.</p> |

**Semua penapisan filem yang dilaksanakan oleh LPF adalah berpandukan kepada 4 aspek utama Garis Panduan Penapisan Filem iaitu:**

- i. keselamatan dan ketenteraman awam;**
- ii. keagamaan;**
- iii. sosiobudaya; dan**
- iv. ketertiban dan ketatasusilaan.**